



JABATAN PERDANA MENTERI
UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA
(MAMPU)

TEKS UCAPAN ALU-ALUAN

**YANG BERBAHAGIA
DATUK HAJI RODZI BIN MD SAAD
KETUA PENGARAH MAMPU
JABATAN PERDANA MENTERI**

**SEMPENA:
PERSIDANGAN DIGITAL SEKTOR AWAM
TAHUN 2023**

**13 SEPTEMBER 2023 (RABU)
PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA
PUTRAJAYA (PICC)**

UCAPAN SALAM

Terima kasih kepada Pengacara Majlis

Bismillah hir Rahma nir Rahim

Assalamualaikum wa Rahmatullahi wa

Barakatuh

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Mohd. Zuki

bin Ali

Ketua Setiausaha Negara

Yang Berbahagia Datuk Seri Sollehuddin

Alyubi bin Zakaria

Timbalan Ketua Setiausaha Kanan

Jabatan Perdana Menteri

Yang Berbahagia Ketua-Ketua Setiausaha,
Ketua-Ketua Pengarah dan Ketua-ketua
Jabatan

Pegawai-pegawai Kanan MAMPU

Wakil-wakil agensi Kerajaan Persekutuan,
Kerajaan Negeri, Badan Berkanun, Pihak
Berkuasa Tempatan, Universiti Awam, dan juga
Institusi Pengajian Tinggi Awam dan swasta.

PENDAHULUAN

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri, Datuk-datuk,
Tuan-tuan, Puan-puan, dan para hadirin,

1. Pada kesempatan ini, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada **Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Mohd. Zuki bin Ali**, Ketua Setiausaha Negara kerana sudi meluangkan masa untuk merasmikan **Persidangan Digital Sektor Awam 2023** atau ringkasnya **PDiSA**.

2. Penghargaan juga saya panjangkan kepada **Persatuan Juruanalisa Sistem Sektor Awam (PERJASA)** dan **Koperasi Profesion Teknologi Berhad (KoProTech)** selaku rakan strategik **MAMPU** dalam menjayakan persidangan pada tahun ini.

3. Ucapan terima kasih ingin MAMPU rakamkan kepada penyampai ucap tama, pembentang kertas kerja dan panel perbincangan yang sudi meluangkan masa untuk berkongsi ilmu pengetahuan dan pengalaman dalam bidang kepakaran masing-masing yang akan memberi nilai tambah kepada persidangan kali ini, justeru memberi manfaat kepada hadirin dan hadirat peserta persidangan tahun ini.

4. Bersesuaian dengan norma baharu dalam sektor awam, persidangan pada kali ini diadakan secara mod hibrid yang mana boleh dihadiri secara fizikal ataupun boleh diikuti secara maya melalui *live streaming* di laman Facebook MAMPU.

LATAR BELAKANG

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri, Datuk-datuk,
Tuan-tuan, Puan-puan, dan para hadirin,

5. Merujuk kepada kerangka **Malaysia MADANI, digitalisasi penyampaian perkhidmatan** merupakan **pemboleh daya strategik** ke arah pelaksanaan pendigitalan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Maka, persidangan ini merupakan satu wadah bagi peserta-peserta mendapatkan ilmu pengetahuan secara musyawarah melalui perbincangan dan pembentangan oleh panel dan pembentang jemputan.

6. Bertemakan “**Pendigitalan Perkhidmatan Awam: Nadi Kesejahteraan Negara**”, persidangan kali ini wajar dihayati sebagai asas kefahaman dan kesepakatan dengan menjadikan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sebagai platform dalam pendigitalan penyampaian perkhidmatan, agar rakyat mendapat manfaat secara adil dan saksama tanpa ada batasan sempadan. Kita harus mempelbagaikan perkhidmatan berteraskan pendigitalan bagi membolehkan rakyat mencapai perkhidmatan Kerajaan secara inklusif dan bersepadu dalam usaha membina keharmonian dan kesejahteraan Negara.

PERANAN DAN PENCAPAIAN MAMPU

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri dan para hadirin yang saya hormati,

7. Sebagai Ketua Pengarah MAMPU, suka saya berkongsi beberapa pencapaian terkini MAMPU, selaku ***focal point*** agenda **pendigitalan sektor awam**, antaranya:

- a. MAMPU telah menerima penghargaan sebagai **Penyumbang Data Malaysian Open Science Platform (MOSP)** di Majlis Pelancaran Platform Sains Terbuka Malaysia pada 16 Mei 2023 yang lalu;

- b. MAMPU juga telah menerima **Cloud Skill Digital Leadership Award** pada 17 Julai 2023 melalui GovTech Innovation Skilling Programme yang dilaksanakan melalui kerjasama Kerajaan Malaysia dan Microsoft;
- c. MAMPU turut menerima **Anugerah Kecemerlangan Pendokong Perkongsian Data Nasional (Sektor Awam)** sempena Anugerah Penghargaan Industri Ekonomi Digital Malaysia anjuran Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC); dan

d. Terdahulu, MAMPU bersama-sama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah dinobatkan pemenang anugerah “**Best Public Health Partner 2022**” oleh Huawei atas kerjasama strategik bagi pelaksanaan aplikasi MySejahtera sewaktu era pandemik COVID-19.

8. Selain kejayaan-kejayaan terkini yang saya sebutkan sebentar tadi, MAMPU juga telah memeterai **Cloud Framework Agreement (CFA)** dengan empat (4) **penyedia perkhidmatan awan** (*Cloud Service Provider*) iaitu Telekom Malaysia,

Microsoft Malaysia, Amazon Web Services Malaysia, dan Google Cloud Malaysia.

9. Bagi memastikan perkhidmatan pengkomputeran awan dapat dimanfaatkan oleh seluruh agensi Sektor Awam, MAMPU telah mengambil langkah strategik dengan **menaik taraf perkhidmatan Pusat Data Sektor Awam (PDSA)** kepada Perkhidmatan **Pengkomputeran Awan Sektor Awam**, atau lebih dikenali sebagai **MyGovCloud**. Perkhidmatan MyGovCloud berfungsi secara hibrid dengan menggabungkan perkhidmatan *Private Cloud* di PDSA dan *Public Cloud* oleh *Cloud Service Provider* (CSP) yang dilantik oleh Kerajaan dengan menggunakan teknologi Amazon, TM, Microsoft, dan Google.

PENUTUP

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri dan para hadirin yang saya hormati,

10. Saya bagi pihak MAMPU sekali lagi ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada **YBhg. Tan Sri Dato' Seri KSN** atas komitmen tinggi dan sokongan padu kepada penganjuran Persidangan Digital Sektor Awam 2023.

11. Terima kasih juga saya ucapkan sekali lagi kepada rakan strategik, pembentang-pembentang kertas kerja, ahli-ahli perbincangan panel dan para peserta persidangan serta semua pihak yang sama-sama berganding bahu dalam menjayakan persidangan kali ini. Sebagaimana

yang **Phil Jackson**, Ketua Jurulatih **National Basketball Association (NBA)** pernah berkata, ***“The strength of the team is each individual member. The strength of each member is the team.”***

12. Sama-samalah kita berdoa ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta’ala, semoga persidangan ini, berjalan dengan lancar dan mencapai objektifnya.

‘Ke gunung sama kita daki, ke lurah sama kita turuni.’ MAMPU selaku penganjur juga amat mengalu-alukan sebarang cadangan dan pandangan untuk menambah baik persidangan kali ini dan yang akan datang.

13. Semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala
memberkati persidangan kita pada hari ini.

Sekian.

Wabillahitaufiq Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh.

----- TAMAT -----

Cetakan pada 12/9/2023 10:49 PM